

Headline	Air mata gugur di Quba a		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	16	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	438 cm ²
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 17,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,764



Air mata gugur di Quba'a



Safar Ahmad
melaporkan dari Arab Saudi

Selain Masjidilharam di Makkah dan Masjid Nabawi, bersolat di Masjid Quba'a turut menjadi impian setiap umat Islam.

Ini kerana ganjaran pahala bersolat di sini menyamai pahala menunaikan umrah bagi sesiapa yang berwuduk di tempat tinggalnya.

Semalam, kumpulan jemaah haji Malaysia dibawa ke masjid pertama dibina Rasulullah itu dalam program ziarah luar yang diatur

Lembaga Tabung Haji (TH). Peneroka dari FELDA Jengka, Pahang, Ali Malik, 70, menyifatkan ia adalah kesempatan yang jarang diperoleh umat Islam dan tidak mahu melepaskan peluang menunaikan solat sunat di masjid bersejarah itu.

"Syukur sangat dapat jejak kaki ke sini dan insya-Allah jika dipanjangkan usia saya mahu ke sini lagi," katanya yang menunggu 11 tahun un-

tuk menunaikan fardu haji. Katanya, dia puas kerana hasil titik peluh mengumpul wang mengusahakan kebun sawit membolehkannya menjakkan kaki ke Tanah Suci.


Salbiah Utoh, 64, dari Perak pula tidak dapat menahan sebak apabila kali pertama mendapat peluang bersolat di masjid berkenaan.

"Tak tahu nak gambarkan

perasaan bersolat di sini. Alhamdulillah sebab Allah bawa saya ke sini.

"Saya gunakan peluang ini sebaik mungkin untuk berdoa terhadap diri sendiri dan anak cucu," katanya sambil mengalirkan air mata.

Selain Masjid Quba'a je-mah turut dibawa melawat Dataran Bukit Uhud yang menjadi medan pertempuran dalam Perang Uhud pada tahun ketiga Hijrah.



JEMAAH Malaysia aliper pe

“

Insy-a-Allah jika dipanjangkan usia saya mahu ke sini lagi"

Ali Malik

Headline	Air mata gugur di Quba a		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	16	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	438 cm ²
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 17,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,764



JEMAAH Malaysia diberi penerangan oleh pembimbing ziarah atau mutawif Ustaz Mohd Nazrul Othman.

■ **Jemaah
dibawa
ke masjid
pertama dibina
Rasulullah
dalam
program
ziarah luar**